

Mahathir ingatkan para pekerja Simpati negara maju hanya satu taktik

UM 10 JUL 1990

KUALA LUMPUR 9 Julai - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pekerja bahawa simpati yang ditunjukkan oleh negara - negara maju terhadap hak dan kebebasan mereka hanyalah satu taktik untuk menyekat barangan Malaysia daripada bersaing dengan mereka.

Perdana Menteri berkata, negara - negara maju tidak mempunyai cara lain dari segi menjadikan barang - barang mereka lebih mampu selain menggunakan para pekerja negara membangun menuntut kenaikan gaji, mengadakan mogok dan lain - lain yang meningkatkan kos pengeluaran.

"Jadi mereka berpura - pura menunjukkan simpati kepada para pekerja semata - mata kerana kepentingan diri mereka, bukan kerana kepentingan pekerja di sini," tegasnya.

Bercakap dalam rancangan *Isu Semasa* yang disiarkan oleh RTM malam ini, Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata langkah negara - negara maju mengtarif Malaysia sebagai negara industri baru (NIC) adalah satu usaha untuk melambatkan kemajuan negara ini.

Perdana Menteri juga bersetuju dengan pandangan bahawa tindak - tanduk negara - negara maju seumpama ini mungkin kerana ketakutan munculnya satu lagi kuasa ekonomi di Asia.

Dalam wawancara itu beliau juga antara lain menolak anggapan bahawa Malaysia terlalu bergantung kepada Sistem Keutamaan Am (GSP) sehingga kerajaan tidak memberatkan kepentingan para pekerja.

Beliau turut mempertahankan cadangan kerajaan mengenai penubuhan *in-house union* sebagai cara terbaik untuk mengelakkan para pekerja mengambil tindakan - tindakan yang boleh membinasakan diri sendiri.

Sebagai contoh untuk membuktikan keraguannya terhadap rasa simpati negara maju terhadap nasib pekerja negara ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dulu sebelum Malaysia mampu bersaing mereka sama sekali tidak menunjukkan rasa simpati itu.

"Kalaupun ditekan, tidak ada kerja, merana, mereka tidak ambil peduli sama sekali. Tetapi apabila kita boleh, seperti Korea Selatan, bersaing dengan barang - barang mereka, maka pada ketika itu timbul satu perasaan tanggungjawab kononnya terhadap pekerja - pekerja," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menerangkan tujuan sebenar di belakang usaha - usaha negara - negara Barat ini yang kononnya ingin melihat hak asasi manusia, hak pekerja dan lain - lain.

Beliau gembira kerana dalam isu GSP ramai pekerja sudah faham bahawa yang akan menjadi

mangsa ialah mereka hingga mereka sendiri hendak GSP dikekalkan dan menolak sesiapa yang ingin meminta Amerika menariknya balik.

Menjawab mengenai takrif NIC, beliau mempersoalkan kewajaran tafsiran itu diadakan sekarang sedangkan negara yang maju dahulu tidak ditafsir demikian dan disekat pada satu ketika dulu.

Beliau menjelaskan bila sesebuah negara ditafsirkan sebagai NIC maka tindakan diambil untuk melambatkan kemajuan mereka dengan cara menaikkan nilai mata wang, mengenakan kuota, menarik balik GSP, memeriksa soal hak asasi manusia, soal kebebasan pekerja dan macam - macam lagi.

"Tujuannya ialah supaya mereka ini tidak maju terlalu cepat," katanya.

Ditanya bagaimana hendak mengatakan Malaysia tidak maju sedangkan rakyat hidup dengan baik, Perdana Menteri berkata beliau tidak mengatakan Malaysia tidak maju.

Ditanya mengenai isu GSP yang hangat kebelakangan ini, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan memberi tumpuan kepada soal GSP kerana kerajaan memandang berat kepentingan pekerja.

Katanya, walaupun bilangan pekerja yang terlibat cuma 130,000 daripada 5 juta pekerja tetapi ia tidak boleh diabaikan kerana Malaysia bergantung kepada eksport.

Menurutnya, walaupun kecil tetapi kalau Malaysia berjaya meningkatkan eksport ini adalah jumlah semua sektor.

Katanya, rakyat kini sudah faham bahawa penarikan balik GSP akan merugikan para pekerja selain dari negara dan dengan itu kredibiliti orang - orang yang menyuruh orang asing menarik balik GSP sudah hilang.

Kepada satu soalan lain, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan kerajaan mencadangkan diadakan *in-house union*, iaitu kesatuan yang terhad kepada syarikat itu sahaja kerana walaupun ada berpuluh - puluh syarikat dalam satu bidang perniagaan, tidak semuanya mencapai kejayaan dan keuntungan yang sama.

"Sebab itu mereka beri gaji dan elaun mengikut kemampuan mereka. Dan pekerja pula akan tahu kalau mereka membuat angkara, sehingga syarikat mereka rugi, mereka akan sama - sama rugi.

"Sebaliknya kalau diadakan 'industri wide union' ada syarikat yang maju dan pekerja di situ tidak mengambil kira syarikat yang tidak maju. Dan mereka sanggup mendesak kenaikan gaji kerana mereka nampak syarikat mereka mampu.

"Tetapi bila dinaikkan gaji, yang lain juga hendak supaya gaji mereka dinaikkan tetapi syarikat mereka tidak mampu dan mungkin terpaksa ditutup."